



**KENYATAAN AKHBAR
MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL BAGI KURSUS ASAS PEMANDU PELANCONG
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Isnin, 05 Ogos 2019, 4.00 petang
Dewan Setia Pahlawan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Kursus Asas Pemandu Pelancong merupakan usaha Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk meningkatkan dan memantapkan lagi kemahiran pemandu pelancong di Negara ini agar perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti dan memenuhi kehendak pawaian yang telah ditetapkan.

Seramai 18 orang Pemandu Pelancong telahpun lulus peperiksaan dan penilaian secara teori dan praktikal yang telah dikendalikan dengan kerjasama *Laksamana College of Business*, institusi yang telah dilantik oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mengendalikan Kursus Asas Pemandu Pelancong di Negara Brunei Darussalam.

Penyampaian sijil kepada 18 Pemandu Pelancong yang berjaya tersebut telahpun diadakan pada 05 Ogos 2019 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil tersebut ialah Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kursus ini bertujuan untuk memastikan maklumat dan informasi yang disalurkan oleh setiap pemandu pelancong adalah tepat dan betul di samping membuka peluang-peluang perkerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan khususnya di kalangan belia-belia di Negara ini.

Sejak kursus ini mula diperkenalkan pada tahun 2016 yang lalu seramai 201 orang pemandu pelancong yang berdaftar di Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengikuti kursus asas pemandu pelancong tersebut. Kursus ini merupakan sebagai salah satu pra syarat Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk mendapatkan lesen Pemandu Pelancong di Negara ini.

Peserta-peserta kursus juga turut didedahkan dengan berbagai teknik kemahiran asas secara praktikal dan teori tentang tatacara sebagai pemandu pelancong, pengenalan destinasi-destinasi utama pelancongan dan tempat-tempat menarik termasuk pengenalan berhubung industri pelancongan di Negara ini.



Semua pemandu pelancong yang telah lulus kursus asas Pemandu Pelancong, adalah seterusnya dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber- Sumber Utama dan Pelancongan bagi mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong. Adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana pihak persendirian yang mengendalikan perkhidmatan Pemandu Pelancong tanpa lesen yang sah dimana mereka boleh dikenakan denda mengikut peraturan 21 di bawah Perintah Pelancongan, 2016 iaitu:

- i) Bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi \$5,000 dan ii) bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda akan dikenakan tidak melebihi \$10,000.

Kursus seterusnya akan diadakan pada bulan September 2019 selama 10 hari bermula pada 16hb September 2019. Untuk sebarang pertanyaan dan pendaftaran bolehlah menghubungi *Laksamana College of Business* melalui 2238816 atau melayari laman web institusi tersebut di www.lcb.edu.bn

- **Tamat** -